

## TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN RUJUKAN CIMB PREFERRED 2023

### Kempen

1. “Program Rujukan CIMB Preferred 2023” (“Kempen”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“CIMB Bank”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (“CIMB Islamic”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah disebut secara kolektif di sini sebagai “CIMB”.
2. Kempen ini akan berlangsung dari **1 Mac 2023 hingga 31 Ogos 2023, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”)**.
3. CIMB mempunyai hak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis selama empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu.

### Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan CIMB Sedia Ada dan Baharu (“Pelanggan Layak”).
5. Walau apa pun Fasal 4, orang/entiti berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
  - i) Kakitangan tetap, sementara dan/atau kontrak atau pekerja CIMB Bank, CIMB Investment Bank Berhad, dan/atau CIMB Islamic (termasuk subsidiarinya dan syarikat yang berkaitan dengannya); dan/atau
  - ii) Ketuanpunyaan tunggal, Perkongsian, Pertubuhan/Persatuan Amal/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial; dan/atau
  - iii) Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
  - iv) Orang Amerika Syarikat seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai bagi Dana Unit Amanah Konvensional / Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau apa-apa produk lain, sebagaimana yang mungkin):
    - a. Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, termasuk mana-mana orang dengan domisil Amerika Syarikat; atau
    - b. Mana-mana orang dengan alamat surat-menyurat akaun Amerika Syarikat; atau
    - c. Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
    - d. Mana-mana orang yang memenuhi “*substantial presence test*”, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat selama sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31) pada tahun semasa, 1/3 daripada hari-hari pada tahun sebelumnya, dan 1/6 daripada hari-hari pada tahun kedua sebelumnya; atau
    - e. Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang Amerika Syarikat untuk tujuan Cukai Amerika Syarikat; dan/atau
  - v) Pemegang akaun CIMB tanpa nombor telefon bimbit sah yang didaftarkan dalam rekod CIMB; dan/atau
  - vi) Pemegang akaun CIMB terpilih yang telah mendapat tawaran untuk menyertai kempen CIMB yang lain.
6. Berhubung dengan Akaun Bersama, hanya pemegang akaun yang pertama dinamakan, iaitu pemegang akaun utama, adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“Pemegang Akaun Utama”). Bagi tujuan Kempen

**TERMA DAN SYARAT****YANG MENGAWAL KEMPEN RUJUKAN CIMB PREFERRED 2023**

ini, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak akan layak menyertai Kempen ini.

**Mekanisme Kempen**

7. Untuk menyertai kempen ini, Pelanggan Layak ("**Pemberi Rujukan**") hendaklah merujuk dan memberikan nama dan nombor telefon rakan atau ahli keluarga yang Baharu bagi CIMB ("**Orang Rujukan**") kepada CIMB dalam Tempoh Kempen, dan Pemberi Rujukan mesti mematuhi perkara berikut: -
  - (i) melengkapkan borang rujukan Program Rujukan CIMB Preferred 2023 ("**Borang Rujukan**") yang disediakan pada pautan [www.cimbpreferred.com.my](http://www.cimbpreferred.com.my) atau memperolehnya daripada Pengurus Hubungan atau Pengurus Perkhidmatan Kewangan Pelanggan; dan mengemukakannya melalui laman web atau menyerahkannya kepada mana-mana Pengurus Hubungan CIMB atau Pengurus Perkhidmatan Kewangan Pelanggan tidak lewat daripada 31<sup>hb</sup>. Ogos 2023; dan
  - (ii) memperoleh persetujuan Orang Rujukan untuk mendedahkan butir-butir Orang Rujukan, termasuk nama dan nombor telefon Orang Rujukan kepada CIMB agar CIMB boleh menghubungi mereka. Dalam hal ini, Pemberi Rujukan dengan ini bersetuju bahawa CIMB boleh mendedahkan nama Pemberi Rujukan selepas Orang Rujukan berjaya mendaftar untuk Status CIMB Preferred dengan CIMB.
8. Selepas memenuhi Fasal 7 (i) dan (ii) di atas dan selepas perujukan berjaya Orang Rujukan, Pemberi Rujukan akan menerima Ganjaran Tunai yang dinyatakan dalam Fasal 14 di bawah.
9. Bagi tujuan Kempen ini, Perujukan Berjaya hendaklah bermaksud perkara berikut:
  - i. Orang Rujukan mesti merupakan pelanggan Baharu bagi Bank yang tidak mempunyai sebarang hubungan sedia ada dengan CIMB selama 6 bulan sebelum menyertai CIMB sebagai pelanggan Baharu kepada pelanggan Preferred
  - ii. Orang Rujukan berjaya menjadi pelanggan CIMB Preferred dengan menandatangani dan/atau melaburkan jumlah Deposit dan/atau Pelaburan agregat minimum sebanyak **RM250,000.00 ("Deposit")** dalam mana-mana akaun deposit dan/atau melabur dalam sebarang produk pelaburan ("**Produk Penyertaan**"); *Produk Penyertaan terpilih dan kriteria kelayakan boleh dilihat pada laman web Bank pada pautan [www.cimbpreferred.com.my](http://www.cimbpreferred.com.my)* CIMB di bawah akaun tunggal atau akaun bersama Orang Rujukan yang baginya Orang Rujukan merupakan pemegang akaun utama semasa Tempoh Kempen; DAN
  - iii. Orang Rujukan mesti mengekalkan jumlah Deposit agregat minimum sebanyak RM250,000 pada setiap masa selama minimum satu (1) bulan dari bulan beliau bermula/ditandakan sebagai pelanggan CIMB Preferred
10. Deposit yang dibuat oleh Orang Rujukan dalam fasal 9 hendaklah merangkumi dana yang didepositkan dengan CIMB semasa Tempoh Kempen.
11. Tertakluk pada fasal 9 di atas, Deposit yang dibuat melalui cek adalah tertakluk pada penjelasan dan hanya akan dianggap sebagai deposit bagi tujuan Kempen ini selepas cek itu dibayar atau dijelaskan.
12. Deposit dalam Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/ Akaun Simpanan-i CIMB layak mendapat perlindungan oleh PIDM.

**TERMA DAN SYARAT****YANG MENGAWAL KEMPEN RUJUKAN CIMB PREFERRED 2023**

13. Jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen, dua (2) Pemberi Rujukan merujuk Orang Rujukan yang sama, Pemberi Rujukan pertama yang memenuhi kehendak dalam Fasal 7 berhak menerima Ganjaran Tunai dalam Fasal 14 selepas Perujukan Berjaya dalam Fasal 9.

**Ganjaran Kempen**

14. Tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, Pemberi Rujukan akan menerima ganjaran sebanyak **RM500.00** untuk setiap rujukan “Baharu bagi CIMB” (“Ganjaran Tunai”) dengan bonus **RM1000.00** tambahan satu kali untuk 5 atau lebih daripada 5 rujukan yang berjaya dilakukan. Ganjaran Tunai adalah terhad kepada RM 285,500 atas dasar tiba dahulu layan dahulu selepas ditandakan sebagai pelanggan CIMB Preferred.
15. Ganjaran Tunai tidak boleh dipindah milik, sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana orang lain pun untuk menyerahkan Ganjaran Tunai kepada mana-mana pihak ketiga atau menukarnya.
16. Semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan Layak berhubung dengan, atau bagi tujuan, Kempen mestilah benar, tepat, semasa dan lengkap. Pelanggan Layak yang gagal mematuhi kehendak ini akan dihilangkan kelayakan dengan segera daripada Kempen ini, dan tidak akan layak menerima Ganjaran Tunai.
17. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke Akaun Simpanan Preferred-i atau Akaun Semasa Preferred / Akaun Semasa Preferred-i (jika ada) atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i aktif Pelanggan Layak dalam rekod CIMB dalam tempoh dua belas hingga enam belas (12-16) minggu selepas akhir Tempoh Kempen. Pelanggan Layak akan diberitahu oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas (“SMS”) selepas Ganjaran Tunai berjaya dikreditkan.
18. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Preferred-i atau Akaun Semasa Preferred / Akaun Semasa Preferred-i (jika ada) atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i Pelanggan Layak yang berkedudukan baik. Sekiranya Pelanggan Layak memegang kedua-dua Akaun Simpanan Preferred-i atau Akaun Semasa Preferred / Akaun Semasa Preferred-i, dan Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i, maka Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke Akaun Simpanan Preferred-i / Akaun Semasa Preferred /-i.
19. Pada masa Ganjaran Tunai dikreditkan ke Akaun Simpanan Preferred - atau Akaun Semasa Preferred / Akaun Semasa Preferred-i, Akaun Simpanan Preferred-i atau Akaun Semasa Preferred / Akaun Semasa Preferred-i MESTI berkedudukan baik dan MESTI TIDAK memungkirkan mana-mana terma dan syarat Perjanjian Akaun Semasa CIMB/Akaun Semasa-i CIMB atau Akaun Simpanan-i CIMB, dan/atau menjadi tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditakrifkan oleh CIMB, jika tidak, hak penerimaan Ganjaran Tunai akan dilucutkan.
20. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pelanggan Layak untuk mengkreditkan Ganjaran Tunai ke akaun lain kepunyaan Pelanggan Layak.
21. Pelanggan Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka (“**Maklumat Perhubungan**”) yang diberikan kepada

**TERMA DAN SYARAT****YANG MENGAWAL KEMPEN RUJUKAN CIMB PREFERRED 2023**

CIMB adalah terkini dan dikemaskinikan dengan CIMB sekiranya mereka membuat apa-apa perubahan kepada maklumat tersebut. CIMB berhak melucutkan hak penerimaan Ganjaran Tunai sekiranya Maklumat Perhubungan Pelanggan Layak yang disenggarakan dalam rekod CIMB tidak sah dan/atau tidak dikemaskinikan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang timbul daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang disenggarakan dalam rekod CIMB tidak terkini atau betul.

22. Segala risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai hendaklah ditanggung oleh Pelanggan Layak.
23. Pelanggan Layak hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara berikut akibat daripada penerimaan Ganjaran Tunai:
  - (i) apa-apa obligasi pemfailan cukai atau sebarang bayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
  - (ii) untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi yang mungkin berlaku terhadap situasi kewangannya sendiri.

**Terma dan Syarat Am**

24. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
  - a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
  - b) bersetuju dengan pemprosesan dan penzahiran data peribadi mereka oleh CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Ganjaran Tunai yang akan diberikan dan penentuan Pelanggan Layak, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
  - d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:
    - (i) kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrik;
    - (iii) pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
    - (iv) apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
    - (v) apa-apa faktor yang bersifat force majeure di luar kawalan munasabah CIMB.
23. Pelanggan Layak akan dihilangkan kelayakannya untuk menyertai Kempen ini dan/atau hak penerimaan Ganjaran Tunai akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum perkreditan/penghantaran Ganjaran Tunai:
  - a) Pelanggan Layak memungkiri terma dan syarat yang mengawal Produk Penyertaan;

**TERMA DAN SYARAT****YANG MENGAWAL KEMPEN RUJUKAN CIMB PREFERRED 2023**

- b) Produk Penyertaan ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk pada apa-apa penahanan, perintah yang memudaratkan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di sisi undang-undang; atau
- c) Produk Penyertaan adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.

24. CIMB berhak menghilangkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang diputuskan oleh CIMB sebagai:
- a) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
  - b) bertindak memungkiri Terma dan Syarat ini.

25. CIMB berhak:
- a) menggantikan Ganjaran Tunai dengan item lain yang mempunyai kos serupa; dan/atau
  - b) melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini

dengan memberikan notis kepada Pelanggan Layak selama empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu melalui:

- (i) pengumuman pada laman web CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang penggantian Ganjaran Tunai dan/atau apa-apa pembatalan, penggantungan, pemendekan atau penganjutan Kempen ini.

26. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- a) Penyertaan atau tanpa sertaan Pelanggan Layak dalam Kempen ini; dan/atau
  - b) Apa-apa SMS yang tidak diterima atau diterima lewat oleh Pelanggan Layak

melainkan jika kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada, dan disebabkan secara langsung oleh, kecuaihan melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

27. a) CIMB berhak mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak melalui:
- (i) pengumuman pada laman web CIMB; dan/atau
  - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
  - (iv) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.

**TERMA DAN SYARAT****YANG MENGAWAL KEMPEN RUJUKAN CIMB PREFERRED 2023**

- c) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada waktu selang yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen ini dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
28. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.
29. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi, dan memastikan bahawa CIMB tetap ditanggung rugi, sepenuhnya terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen ini; dan/atau
  - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai oleh Pelanggan Layak.
30. Terma dan Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
  - b) harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa Produk Penyertaan yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
31. Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk pada mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan, arahan dan notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
32. CIMB tidak bertanggungjawab atas kelewatan, kehilangan, ketidaksempurnaan, penyerahan salah, penangguhan, kesukaran untuk dibaca, kerosakan atau penyalaharahan permohonan Produk Penyertaan dan/atau Borang Rujukan dan/atau apa-apa urusan surat-menyurat yang berkaitan, sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemotongan, kecurian, kemusnahan atau selainnya, melainkan perkara tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
33. a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan (“CRU”) CIMB untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:
- Alamat: Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No. Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)
- b) CIMB boleh mengubah maklumat perhubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan Layak melalui pengumuman pada laman web CIMB atau dengan mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.